



ANWAR Ibrahim melambai tangan ke arah pertugas media selepas meluangkan masa bersama penjawat awam sempena Majlis Penyampaian Amanat Perdana kepada Penjawat Awam Perlis di Dewan 2020 di Kangar semalam.- UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

8.7 juta isi rumah B40 terima sumbangan Rahmah hari ini

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.rny

PETALING JAYA: Seramai 8.7 juta isi rumah dalam kumpulan B40 menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 secara berperingkat mulai hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bantuan untuk golongan tersebut diawalkan berbanding perancangan awal pada Mac kerana menyedari cabaran kos sara hidup rakyat ketika ini.

Menurut beliau, pembayaran STR Fasa 1 memabitkan

peruntukan RM1.67 bilion dikreditkan ke dalam akaun bank penerima yang berdaftar di dalam pangkalan data secara berperingkat mulai hari ini.

“Kerajaan Perpaduan menekankan pendekatan Rahmah dalam membela nasib rakyat susah terutamanya golongan rentan dan mudah terjejas. Sejalan dengan itu, kerajaan telah memperkenalkan konsep Payung Rahmah sebagai induk kepada inisiatif-inisiatif membantu golongan kurang berkemampuan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

“Maka, program bantuan tunai untuk B40 di bawah Kementerian Kewangan dijenamakan semula kepada Sumbangan Tunai Rahmah dan akan terus ditambah baik,” katanya dalam kenyataan semalam.

Fasa 1 STR menyaksikan 8.7 juta penerima bantuan tunai memabitkan 4 juta isi rumah menerima RM300 manakala 1.2 juta warga emas tiada pasangan menerima RM100 dan 3.5 juta rakyat bujang menerima RM100.

Menurut Anwar, penerima STR di kawasan pedalaman

termasuk Sabah dan Sarawak yang mempunyai akaun bank atau tiada akaun bank akan turut menerima pembayaran ini pada tarikh sama.

“Penerima STR yang tiada akaun bank juga boleh membuat penunaian di Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai esok (hari ini).

“Semakan status dibuka mulai 17 Januari dan maklumat lanjut berkaitan pembayaran boleh dirujuk Soalan Lazim di Portal Rasmi STR melalui pautan <https://bantuan tunai.hasU.gov.my>” katanya.